

Appointment date & time :



JABATAN RADIOLOGI
HOSPITAL PAKAR SULTANAH FATIMAH MUAR
TEL : 06-9564000 Samb. 389 (Kaunter Temujanji)

BORANG PERSEDIAAN PESAKIT UNTUK PEMERIKSAAN MAGNETIC RESONANCE IMAGING (MRI)

Pemeriksaan MRI menggunakan medan magnet berkuasa tinggi berbentuk terowong bagi menghasilkan imej dan mengambil masa sekurang-kurangnya 1 jam atau lebih bergantung kepada bahagian pemeriksaan dan keadaan pesakit.

Nama Pesakit :

No K/P :

Bahagian pemeriksaan :

Sila patuhi yang bertanda:

1. Tidak perlu berpuasa.
2. Perlu berpuasa 4 jam sebelum pemeriksaan bagi pesakit yang memerlukan kontras, sedasi dan General Anaesthesia. Makan ubat-ubatan seperti biasa kecuali ubat kencing manis dimakan selepas selesai pemeriksaan.
3. Jika perlu, pengambilan Tab Prednisolone 40mg adalah seperti berikut: a. 12 jam Sebelum pemeriksaan (Tarikh/Masa: _____) b. 2 jam Sebelum pemeriksaan (Tarikh/Masa: _____)
4. Pesakit tidak dibenarkan memakai barang kemas, jam tangan, kanta lekap, alat solek/kosmetik, klip rambut di hari pemeriksaan.
5. Jika perlu, anda akan dipasang branula untuk tujuan memasukkan cecair (kontras media) atau ubat tidur (sedasi).
6. Untuk pesakit kanak kanak a) Pesakit perlu dirujuk ke Pediatric Daycare jika perlu. b) Perlu berpuasa 4 jam sebelum pemeriksaan berkontras atau keperluan sedasi.

PERHATIAN:

1. Hubungi kami jika tidak dapat hadir atau untuk sebarang pertanyaan.
2. Maklumkan sekiranya anda mengandung atau disyaki mengandung (jika berkenaan).
3. Sila hadir 15 minit lebih awal semasa hari temujanji.
4. Bawa borang pemeriksaan, kad/buku klinik & filem/CD beserta laporan terdahulu (jika ada).
5. Masa yang diberi adalah masa pendaftaran.
6. Masa pemeriksaan anda bergantung kepada jangkamasa pemeriksaan pesakit sebelum anda.
7. Jangkamasa pemeriksaan bergantung kepada pesakit dan jenis pemeriksaan.
8. Anda dinasihatkan supaya meluangkan masa pada hari temujanji memandangkan masa menunggu di MRI sangat lama dan tidak semestinya mengikut masa temujanji yang ditetapkan.
9. Barang-barang berunsurkan besi/ magnetik (telefon bimbit/ kad ATM/ kredit, jam, kunci) ditanggalkan sebelum pemeriksaan dijalankan dan disimpan di dalam lokar yang disediakan.
10. Kerusi roda dan troli persendirian/wad/klinik tidak dibenarkan memasuki kawasan pemeriksaan MRI.
11. Pemeriksaan ini berkemungkinan dibatalkan jika perkara-perkara di atas tidak dipatuhi.